

Destinasi terbaik riadah bersama keluarga

FOTO: BERNAMA

Destinasi terbaik riadah bersama keluarga

HUTAN LIPUR
BUKIT AYER

JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PERLIS

Geotapak Eko Rimba Bukit Ayer menawarkan suasana tenang kepada pengunjung yang bercuti ke Perlis sempena Tahun Melawat Perlis 2024-2025 yang membuka tirainya pada Isnin.

Geotapak Eko Rimba Bukit Ayer tawar suasana tenang, keindahan alam semula jadi

KANGAR

Geotapak Eko Rimba Bukit Ayer di sini menjadi destinasi terbaik bagi aktiviti riadah bersama keluarga sambil menikmati suasana tenang dengan keindahan alam semula jadi untuk penduduk tempatan mahupun pengunjung yang bercuti ke negeri ini sempena Tahun Melawat Perlis 2024-2025.

Terletak di Sungai Batu Pahat iaitu kira-kira 12 kilometer dari pusat bandar Kangar, destinasi itu juga memiliki daya tarikan tersendiri antaranya rimba herba Perlis dan kolam untuk pengunjung mandi-manda selain aktiviti lasak seperti *All Terrain Vehicle* (ATV) serta merentas hutan.

Tinjauan *Bernama* di Geotapak Eko Rimba sempena bermulanya Tahun Melawat Perlis pada Isnin mendapati orang ramai mengambil kesempatan membawa keluarga untuk mandi-manda secara percuma di kolam semula jadi manakala bayaran RM5 bagi dewasa dan RM3 bagi kanak-kanak serta percuma kepada kanak-kanak berusia enam tahun ke bawah di kolam buatan.

Pengunjung, Toyibah Abdullah, 30, dari Kluang, Johor, berkata, dia bersama keluarga bercuti ke Perlis sejak seminggu lepas dan pertama kali datang ke Geotapak Eko Rimba.

"Bagi saya alam semula jadi di sini sangat menarik tidak sama seperti tempat lain. Ia juga dilengkapi kemudahan seperti surau, tandas dan bilik mandi selain terdapat peniaga makanan yang harga jualan mereka amat berpatutan," katanya pada Isnin.

Bagi penduduk tempatan, Sharina Mat, 52, dari Kangar berkata, kawasan Geotapak Eko Rimba itu kini lebih baik berbanding dahulu kerana dilengkapi pelbagai kemudahan asas dan mesra pengguna.

"Saya sering datang ke sini bersama keluarga sejak 1982 dan banyak



Geotapak Eko Rimba Bukit Ayer di Kangar, Perlis menawarkan pengalaman menarik kepada pengunjung yang bercuti ke negeri itu.

perubahan berbanding dulu terutama dari segi kemudahan asas yang lebih baik untuk orang ramai meluangkan masa dan beriadah dengan selesa," katanya.

Sementara itu, Pegawai Hutan Daerah Perlis Selatan, Mohd Zohdi Shihabuddin berkata, aktiviti menarik lain bakal ditawarkan kepada pengunjung di Geotapak Eko Rimba ialah kemudahan *glamping* yang bermula pada pertengahan Januari ini.

Mengenai kolam buatan pula, beliau berkata, Jabatan Perhutanan Perlis mengambil inisiatif membina kolam itu yang dilancarkan pada awal 2022 untuk merancakkan lagi aktiviti riadah orang ramai.

"Dulu hanya ada kolam semula jadi yang airnya berpunca dari Bukit Ayer tetapi disebabkan ada waktu tertentu air dari bukit tidak ada, jadi kami mengambil langkah membina kolam yang dikhususkan untuk orang dewasa dan kanak-kanak untuk mandi-manda," katanya.



Pengunjung tidak melepaskan peluang bermandi-manda di kolam yang terdapat di Geotapak Eko Rimba Bukit Ayer di Kangar, Perlis sempena Tahun Melawat Perlis 2024-2025 yang membuka tirainya pada Isnin.